

## **Harga minyak stabil separuh kedua 2013**

11 Jun 2013

KUALA LUMPUR 10 Jun - Harga-harga minyak global dijangka kekal stabil dalam separuh kedua tahun ini, dirangsang oleh permintaan kukuh daripada para pemproses penapisan meskipun terdapatnya peningkatan dalam pengeluaran minyak syal di Amerika Syarikat, demikian menurut pakar industri.

Ketua bersama global penyelidikan ekuiti minyak dan gas Credit Suisse, David Hewitt berkata, kerancangan pengeluaran minyak syal di AS tidak dijangka menolak turun lagi harga global daripada US\$97 setong pada masa ini, tetapi sebaliknya menstabilkan pasaran antarabangsa dan mengurangkan ancaman terhadap kekurangan bekalan dunia.

"Kami tidak melihat kesan asas pengeluaran syal AS akan menjejaskan prospek minyak dan gas tahun ini, dan kami merasakan yang Arab Saudi akan terus menjadi pengeluar utama dunia," kata beliau di Persidangan Minyak dan Gas Asia 2013 yang ke-17 di sini hari ini.

Hewitt ialah ahli panel dalam sesi 'Senario Politik dan Ekonomi' di persidangan itu yang turut menampilkan felo kanan East-West Centre yang berpangkalan di AS, Kim Yoon-Hyung dan pengerusi Wood Mackenzie, UK, David Morrison.

Import AS tahun lepas merosot kepada paras terendah sejak 1997 selepas teknologi baharu dalam cari gali membolehkan syarikat-syarikat petroleum merealisasikan minyak syal yang sebelum ini tidak boleh diakses, terperangkap di bawah pembentukan batu yang ribuan kaki kedalamannya, sekali gus merencanakan pengeluaran minyak mentah negara ke paras tinggi beberapa dekad.

Hewitt berkata, walaupun kerancangan pengeluaran minyak syal AS akan menyediakan minyak yang lebih murah kepada pasaran negara, kesan melangkaui sempadan tidak mungkin sama memandangkan permintaan untuk tenaga telah meningkat seiring dengan kemunculan ekonomi baharu di Asia serta pertambahan populasi global.

Ketua Pegawai Operasi dan Naib Presiden Eksekutif Petronas untuk operasi hiliran, Datuk Wan Zulkiflee Wan Ariffin, pula berkata, yang pelaksanaan teknologi baharu akan merealisasikan kawasan yang sebelum ini disifatkan tidak ekonomi dan mengurangkan kebimbangan akan pelupusan sumber.

"Pada masa yang sama, sumber-sumber baharu minyak dan gas telah muncul di seluruh dunia, sekali gus mewujudkan bekalan minyak dan gas jangka panjang yang selesa," kata beliau.

Persidangan dua hari bertemakan 'Our World, Our Energy, Our Destiny', dihadiri oleh para penggubal dasar dan eksekutif syarikat minyak terkemuka rantau ini. - BERNAMA